

Kelewatan tanaman padi menuntut intervensi dasar lebih mampan

• Secara teknikal, tanaman padi mempunyai kitaran matang antara 100 hingga 120 hari. Sekiranya jadual asal pada April tertangguh sehingga Jun atau Julai, keseluruhan kitaran tuaian akan berganjak

• Peningkatan kos operasi melebihi 50 peratus memberi isyarat cabaran dihadapi sektor ini bukan lagi sekadar isu operasi jangka pendek, sebaliknya menyentuh isu daya maju ekonomi pesawah



Oleh Prof Dr Abdul Rahim Abdul Samad
bhrencana@bh.com.my

Ketua Laboratori Kajian Dasar Pertanian dan Makanan Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan Universiti Putra Malaysia

Isu kelewatan penanaman padi yang berlaku ketika ini bukan sekadar gangguan jadual pertanian biasa, sebaliknya ia membabitkan dimensi lebih besar iaitu ketersediaan, kestabilan dan kemampuan sistem makanan negara.

Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) mengiktiraf perubahan iklim, bencana alam, pengurusan sumber air dan daya tahan pengeluaran domestik adalah komponen kritikal menentukan sekuriti makanan Malaysia. Selaras dengan itu, Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) meletakkan subsektor padi dan beras sebagai komponen strategik.

Matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) negara melalui pembentukan sistem makanan lebih berdaya tahan dan berteknologi tinggi.

Risiko terhadap bekalan beras negara akan meningkat secara ketara sekiranya kelewatan musim menanam berlarutan sehingga Jun dan Julai.

Kebimbangan ini berasas, memandangkan Kedah khususnya kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) adalah jelang padi utama menyumbang sebahagian besar pengeluaran domestik.

Apabila dilaporkan hanya sekitar 10 peratus daripada 56,000 pesawah sempat memulakan penanaman mengikut jadual, situasi ini memberi isyarat awal berlaku gangguan sistemik terhadap rantaian bekalan.

Secara teknikal, tanaman padi mempunyai kitaran matang antara 100 hingga 120 hari. Sekiranya jadual asal pada April tertangguh sehingga Jun atau Julai, keseluruhan kitaran tuaian akan berganjak.

Anjakan ini membawa implikasi rantaian serius iaitu pertembungan musim hujan, risiko banjir, kemerosotan produktiviti dan kesan domino jadual tanam.

Jika kelewatan sekadar sebulan, implikasinya mungkin masih boleh diserap melalui kecekapan pengurusan air dan penjadualan semula.

Bagaimanapun, apabila kelewatan mencecah dua hingga tiga bulan, impaknya bertukar menjadi krisis sistemik mampu menjejaskan jumlah pengeluaran beras nasional.

Kesan rantaian negatif

Kelewatan berpanjangan boleh mencetuskan kesan rantaian negatif seperti lonjakan jumlah import beras luar, tekanan harga runcit di pasaran, peningkatan komitmen kos subsidi kerajaan serta ketidaktentuan kawalan stok penimbal negara.

Bagi menangani gangguan seperti ini, DSMN amat menekankan strategi kepelbagaian sumber dalam, pengukuhan stok makanan dan tahap kesiapsiagaan krisis tinggi.

Struktur pengeluaran skala kecil laporan DAN 2.0 mengesahkan majoriti pengeluaran makanan negara terdiri daripada petani berskala kecil mempunyai modal terhad dan keupayaan teknologi.

Apabila kejutan iklim melanda, golongan ini menjadi kelompok paling rentan kerana kekurangan aliran tunai untuk menyerap kerugian pascabencana, ketiadaan akses teknologi ramalan cuaca tepat.

Ia termasuk kesukaran membina atau mengakses sistem pengairan alternatif secara sendiri dan mempunyai kapasiti adaptasi rendah terhadap perubahan persekitaran.

Bagi membina daya tahan jangka panjang, reformasi struktur komprehensif amat diperlukan melalui langkah berikut:

• Pertanian pintar berasaskan data

Ini menerusi memanfaatkan pengesanan air, teknologi internet benda dan kecerdasan buatan (AI) untuk ramalan cuaca mikro serta penjadualan penanaman dinamik.

• Varieti padi tahan cuaca ekstrem

Mempercepatkan penyelidikan dan penggunaan baka padi berdaya tahan terhadap ancaman kemarau panjang serta kalis banjir

• Naik taraf infrastruktur pengairan

Membina kolam takungan modular, sistem pengairan fleksibel dan fasiliti kitar semula air di

kawasan jelang.

• Pusat data iklim-pertanian masa nyata

Menyediakan sistem amaran awal telus dan pantas terus kepada pesawah di lapangan.

Sementara itu, peningkatan kos operasi melebihi 50 peratus memberi isyarat cabaran dihadapi sektor ini bukan lagi sekadar isu operasi jangka pendek, sebaliknya menyentuh isu daya maju ekonomi pesawah.

Jika margin keuntungan bersih pesawah terus mengecil, ia bakal mengundang impak negatif jangka panjang. Golongan muda akan terus menjauhi sektor tanaman padi kerana pulangnya dianggap tidak lagi kompetitif berbanding sektor lain.

Selain itu, petani berkemungkinan memilih menyewakan tanah, menukar status guna tanah kepada sektor industri/perumahan atau membiarkan sawah terbiar.

Kegagalan mengekalkan pengeluaran domestik akan memaksa negara meningkatkan import, sekali gus mendedahkan Malaysia kepada kejutan geopolitik dan sekatan eksport dari negara luar.

Pemberian insentif tunai secara one-off atau jangka pendek seperti RM200 sehektar melalui Program Insentif Pengeluaran Padi (IPKP) dilihat hanya merawat simptom luaran dan tidak menyelesaikan punca masalah struktur ini.

Oleh itu, bagi menjamin masa depan sektor ini, beberapa intervensi dasar lebih mampan dan strategik perlu dilaksanakan segera:

• Subsidi pintar berasaskan kos sebenar

Ini dengan melaksanakan rasionalisasi subsidi melalui pemberian input bersasar seperti baja dan diesel mengikut turun naik kos pasaran semasa.

• Skim insurans tanaman berasaskan indeks iklim

Bermaksud menyediakan jaringan keselamatan kewangan melalui skim pampasan komprehensif bagi melindungi pesawah daripada kerugian akibat kemarau, banjir atau kemerosotan hasil mendadak.

• Model pertanian skala besar

Usaha perlu dilakukan untuk mendorong konsolidasi tanah sawah bagi membolehkan pengurusan mekanisasi secara komersial dan berskala besar demi mencapai kecekapan kos.

• Penyedia perkhidmatan agroteknologi

Selaras dengan cadangan DAN 2.0, rantaian nilai perlu diperkukuh dengan menghubungkan pengeluaran makanan secara terus dengan penyedia teknologi bagi mengurangkan kos pelaburan awal modal.

• Mewujudkan pendapatan tambahan

Menggalakkan pesawah menjana pendapatan alternatif konsep solar agrivoltaik, sistem tanaman sela atau terabit aktiviti hiliran bernilai tinggi.

Kelewatan bermusim berlaku ketika ini seharusnya dilihat sebagai isyarat jelas model pengeluaran padi negara memerlukan reformasi struktur secara menyeluruh.

Tanpa tindakan dasar berani dan transformatif, Malaysia bakal berhadapan risiko kemerosotan tahap sara diri beras, sekali gus menggugat ketahanan ketenteraman sekuriti makanan negara jangka panjang.

